



Kuasai media sosial secara adil

Menguasai dan membatasi media sosial adalah sesuatu yang perlu kita kuasai dan mahir menggunakannya kerana ia satu daripada medium alternatif terpantas dalam menyampaikan dan menyebarkan maklumat. Namun begitu, pelbagai persoalan timbul dan dipersoalkan berkenaan maklumat yang dimuatkan dalam media sosial, adakah benar dan datang daripada sumber yang boleh dipercayai.

Sukar kita menafikan dalam dunia multimedia ini kebanyakan maklumat yang terdapat dalam media sosial kurang tepat dan sukar untuk mencari rujukan yang asal.

Nabi Muhammad SAW bersabda yang bermaksud: "Mengapakah sekumpulan orang telah mengharamkan perempuan, makan dan tidur. Ketahuilah sesungguhnya saya tidur dan bangun (malam untuk bertahajud), saya berpuasa dan berpuasa dan saya menikahi perempuan. Oleh itu, sesiapa tidak suka kepada sunahku, maka dia bukan daripada kalangan umatku". Hadis Riwayat Muslim.

Hadis di atas ingin menerangkan kepada kita tentang sebahagian daripada umat Nabi Muhammad SAW yang mencari jalan untuk melakukan upacara agama bagi mendekati diri kepada Allah SWT, mereka melam-

pau dalam taqarrub (mendekatkan) kepada Allah SWT.

Penerangan daripada hadis itu menjadi kayu ukur dan asas dalam perbandingan atas apa-apa yang sedang berlaku dalam kehidupan masyarakat hari ini.

Satu masyarakat yang mendahulukan hukuman daripada doa, mendahulukan cacian dan kejian daripada ucapan mahmudah dan dakwah merupakan sesuatu yang melampau.

Contoh kisah Rasulullah SAW

Masyarakat yang terlalu terbuka dan melampau dalam menegur dan mengkritik sesiapa saja melalui media sosial perlu ditegah dan diubah sebaiknya.

Misalnya kisah yang pernah terjadi pada zaman Rasulullah SAW, apabila seorang Arab Badwi yang membuang air kecil di dalam sebuah masjid, apakah tindakan Nabi apabila berhadapan dengan situasi sebegini?

Adakah Rasulullah SAW terus memarahi dan menghukum Arab Badwi tersebut tetapi perkara yang dilakukan baginda SAW dalam menyelesaikan masalah ini sebaliknya.

Tindakan Nabi ialah menyelesaikan masalah tersebut dengan cara yang sewajarnya dan bukan menjadi penyebab kegelapan atas kegelapan. Ke-



MASYARAKAT UMUM PERLU MENYEDARI KESILAPAN INI, MEDIA SOSIAL BUKANLAH RUANG YANG TERBAIK DALAM MENYELESAIKAN SESUATU MASALAH"

gelapan sama sekali tidak akan dapat dihilangkan dengan kegelapan.

Seseorang bijak pandai berkata: daripada mencela dan mencaci maki kegelapan

adalah lebih baik berusaha gigih untuk memperbaiki lampu dalam menyuluh kegelapan yang telah dilakukan.

Contoh kegelapan yang diselesaikan dengan cara kegelapan berkaitan isu seorang wanita yang bertindak biadap kepada seorang lelaki yang beragama kristian menjadi viral dalam media sosial dengan meluasnya, baru-baru ini.

Jelas dan nyata menerusi kejadian ini, maka kita mampu melihat ramai pihak individu khusus pengguna Facebook cuba mengambil kesempatan memberi maklum balas dengan penuh cacian, doa-doa yang jahat dan sumpah seranah.

Akhirnya video dan gambar tersebut tersebar luas dengan status kejian dan cercaan kepada pihak yang bersalah. Beginikah jalan yang terbaik dalam menyelesaikan masalah?

Apakah pelaku kesalahan perlu dipersalahkan dan dihukum, manakala mereka yang menyebarkan cercaan sehingga menjatuhkan aib dan maruah pelaku dibiarkan bebas?

Kebiasaan sementara

Sememangnya sikap biadap yang dilakukan jelas, tetapi kebiasaan tersebut hanya sementara dan terhenti antara dia dengan Allah dan individu terbabit.

Bagaimana nasib kita seba-

gai orang yang menabur dan menjual maruah orang lain dengan cara yang tidak sepatutnya dilakukan oleh seorang Muslim menerusi laman sosial.

Adakah cukup dengan ucapan maaf atas kealiban yang telah dibuka seluasnya kepada umum. Firman Allah SWT yang bermaksud: Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang melampau.

Kita lihat perkara yang halal amat banyak dan banyak kesannya, namun hal ini akan buruk natiujahnya apabila kita melampau dalam melaksanakannya. Begitu juga membenci kejahatan dan kemungkinan merupakan satu kepujian tetapi membalas kejahatan dengan kebencian dan cacian berbentuk terbuka ialah satu kegelapan yang menutupi kegelapan yang telah dilakukan.

Masyarakat umum perlu menyedari kesilapan ini, media sosial bukanlah ruang yang terbaik dalam menyelesaikan sesuatu masalah. Kita seharusnya menggunakan kemudahan laman sosial yang sedia ada dengan sebaiknya dalam mendepani, memberi maklum balas segala perkara yang berlaku dalam laman sosial dengan cara yang paling bijak.

Masyarakat yang cemerlang adalah masyarakat yang mampu menguasai dan membatasi media sosial secara adil dan bijaksana.